

Soalan-Soalan Lazim Pelan Bantuan Pembayaran HLB / HLISB untuk Pelanggan PKS & Korporat

No.	Soalan	Jawapan
1.	Adakah Bank memberikan pertolongan kepada pelanggan yang tidak dapat membuat pembayaran setelah berakhirnya moratorium?	Ya, kami akan membantu pelanggan yang memerlukan bantuan kewangan lebih lanjut. Sila hubungi kami sekarang untuk membincangkan keadaan kewangan anda agar kami dapat membantu anda menerima bantuan yang bersesuaian untuk memudahkan pembayaran pinjaman / pembiayaan anda yang akan datang.
2.	Bagaimana untuk mengetahui jika saya layak untuk PBP HLB / HLISB?	<p>Sekiranya aliran tunai / pendapatan anda terjejas disebabkan COVID-19 dan anda menghadapi kesukaran membuat pembayaran balik pinjaman / pembiayaan, hubungi kami sekarang untuk mendapatkan bantuan yang bersesuaian dengan keperluan anda.</p> <p>Kami ingin meyakinkan pelanggan bahawa Pelan Bantuan Pembayaran (PBP) yang disasarkan disediakan untuk pelanggan yang hasil pendapatan telah terjejas disebabkan COVID-19.</p>
3.	Berapa lama jangka masa pelan bantuan individu yang diberikan?	Pelan ini adalah pelan peribadi mengikut situasi setiap pelanggan dan kami akan meneliti kedudukan kewangan, kemampuan dan status akaun anda untuk menawarkan pelan bantuan pembayaran yang bersesuaian. Matlamat kami adalah untuk membantu anda untuk menharungi masalah kewangan anda pada masa yang mencabar ini.
4.	Adakah penangguhan pinjaman / pembiayaan sebahagian daripada bantuan ini?	<p>Ya, PBP HLB / HLISB termasuk penyusunan semula dan penjadualan semula pembayaran balik pinjaman / pembiayaan.</p> <p>Nota: pinjaman / pembiayaan tidak akan dilaporkan sebagai Penstrukturan dan Penjadualan Semula (R&R) untuk pelan bantuan yang dilulus sehingga June 2021 untuk tujuan pelaporan CCRIS.</p>
5.	Di manakah boleh saya dapati maklumat lanjut untuk memulakan pembayaran balik pinjaman / pembiayaan dan / atau mengenai bantuan pembayaran?	<p>Anda boleh menghubungi Bank melalui talian hotline, e-mel atau mengunjungi Cawangan kami:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi Pengurus Perhubungan anda • HLB Collections Centre: 603-79591888 (Isnin-Khamis, 8.45am-5.45pm; Jumaat, 8.45am-4.45pm) • HLB Contact Centre: 603-7626 8899 (Isnin-Sabtu 9.00am - 6.00pm - Hanya untuk pertanyaan mengenai PBP HLB / HLISB bagi pelanggan PKS / Korporat) • E-mel untuk pelanggan PKS dan Korporat >> sme@hlbb.hongleong.com.my • Kunjungi mana-mana cawangan kami

No.	Soalan	Jawapan
6.	Apakah jenis PBP HLB / HLISB yang disediakan?	<p>Pelan bantuan pembayaran yang disediakan untuk pelanggan PKS dan Korporat yang perniagaan telah terjejas disebabkan COVID19 disenaraikan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Berjangka-i <ol style="list-style-type: none"> a) Pembayaran faedah / keuntungan hanya untuk jangka masa sehingga 15 bulan (Oktober 2020 hingga Disember 2021). Tempoh baki pinjaman / pembiayaan akan dilanjutkan dengan sewajarnya. b) Pengurangan pembayaran bulanan disesuaikan khusus mengikuti keadaan anda. Tempoh baki pinjaman / pembiayaan akan dilanjutkan dengan sewajarnya. c) Moratorium dilanjutkan untuk tempoh tambahan terhad. Faedah / keuntungan akan dikenakan pada ansuran tertunda dan tertakluk kepada terma dan syarat yang akan kami bincangkan dengan anda. 2. Overdraf (OD) / Aliran Tunai-i <ol style="list-style-type: none"> a) Penukaran kepada pinjaman / pembiayaan berjangka. b) Peningkatan had OD / Aliran Tunai-i sekiranya terdapat lebih bayaran daripada caj bank, dengan jumlah yang setara dengan caj bank. (hanya untuk pinjaman / pembiayaan OD konvensional) c) OD / Aliran Tunai-i pada pengurangan berjadual akan mempunyai tarikh pengurangan had berjadual yang ditangguhkan dalam tempoh moratorium. 3. Sewa Beli / Sewa Beli-i / Sewa Beli Industri Tempoh moratorium akan dilanjutkan untuk jangka masa yang terhad. Faedah / keuntungan akan dikenakan pada ansuran tertunda. 4. Kredit Pusingan (RC) / Kredit Pusingan-i (RC-i) Perlanjutan tempoh peralihan untuk jangka masa yang terhad bagi jumlah RC / RC-i yang perlu dibayar. Kadar faedah / keuntungan yang dikenakan adalah berdasarkan pada margin yang dipersetujui. 5. Pinjaman Perdagangan / Pembiayaan Perdagangan-i Perlanjutan tempoh peralihan untuk jangka masa terhad bagi jumlah bil perdagangan. Kadar faedah / keuntungan yang dikenakan adalah berdasarkan pada margin yang dipersetujui. <p>Pelan ini adalah pelan peribadi mengikut situasi setiap pelanggan dan kami akan meneliti kedudukan kewangan, kemampuan dan status akaun anda untuk menawarkan pelan bantuan pembayaran yang bersesuaian.</p> <p>Nota : Bagi Pembiayaan Islamik, sebarang keuntungan/caj lewat terakru daripada pembiayaan asal tidak akan ditambah ke atas amaun prinsipal penstrukturan semula/penjadualan semula yang baru, bagi memastikan keuntungan tidak</p>

No.	Soalan	Jawapan
		dikompaun. Walaubagaimanapun, amaun ini akan ditambah ke dalam jumlah keseluruhan tanggungan hutang yang baru.
7.	Bagaimana pelan bantuan pembayaran ini akan mempengaruhi pelaporan CCRIS saya?	Bagi pembiayaan yang telah diluluskan sebelum 30 Jun 2021, akaun tersebut tidak akan dilaporkan sebagai Penstrukturian dan Penjadualan Semula (R&R) dalam laporan CCRIS
8.	Adakah Bank mempunyai pelan alternatif, jika saya tidak layak untuk memohon PBP HLB / HLISB?	<p>Kami memahami kebimbangan anda dan kami prihatin dan sedia membantu dengan pelan bantuan yang bersesuaian dengan keperluan kewangan anda.</p> <p>Sekiranya kami tidak dapat membantu, atau anda memerlukan penilaian bebas mengenai situasi kewangan anda, anda boleh menghubungi mana-mana agensi yang memberi khidmat nasihat kewangan untuk PKS dan / atau Korporat seperti yang disenaraikan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP) Untuk pertanyaan, sila hubungi 6 03-7880 0088 atau layari www.myknp.com.my Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil (JPPK / SDRC) di AKPK Untuk pertanyaan, sila hubungi 03-2616 7766 Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) Untuk pertanyaan sila hubungi 603 -2265 0878 atau layari www.cdrc.my
9.	Bolehkah saya memohon PBP HLB / HLISB jika saya tidak mempunyai masalah kewangan / keadaan kewangan saya tidak terjejas?	Kami menggalakkan anda untuk terus mengekalkan pembayaran balik pinjaman / pembiayaan anda mengikut tarikh yang sepatutnya jika keadaan kewangan anda tidak terjejas.
10.	Adakah saya perlu mengemukakan dokumen sokongan untuk permohonan PBP HLB / HLISB?	<p>Untuk pelanggan PKS dan Korporat, kami memerlukan dokumen tambahan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyata bank 9 bulan terkini (Untuk pelanggan bank HLB / HLISB hanya perlu memberikan nombor akaun perniagaan) Akaun pengurusan terkini (jika ada) Penyata akaun audit terkini (jika belum dikemukakan kepada pihak Bank)
11.	Adakah saya perlu menandatangani / melaksanakan sebarang perjanjian / dokumen?	Sekiranya terdapat perlanjutan pada tempoh pinjaman / pembiayaan, Pengurus Perhubungan anda akan membuat pengaturan yang diperlukan untuk penandatanganan / pelaksanaan perjanjian / dokumen yang diperlukan semula.
12.	Bagaimana untuk mengetahui jika permohonan PBP HLB / HLISB saya sedang diteliti oleh pihak Bank?	Bagi pelanggan PKS, Pengurus Perhubungan anda / pihak Bank akan menghubungi anda dalam masa 5 hari bekerja selepas menerima permohonan lengkap.

No.	Soalan	Jawapan
		<p>Bagi pelanggan Perbankan Komersial / Korporat, Pengurus Perhubungan anda / pihak Bank akan menghubungi anda dalam masa 10 hari bekerja selepas menerima permohonan lengkap.</p> <p>Pengurus Perhubungan anda / pihak Bank akan memaklumkan mengenai status terkini permohonan anda.</p>
13.	<p>Bagaimana untuk mengetahui jika permohonan PBP HLB / HLISB saya telah diluluskan / ditolak oleh pihak Bank?</p>	<p>Sila hubungi Pengurus Perhubungan anda / pihak Bank untuk mengetahui status dan keputusan permohonan PBP HLB/HLISB anda.</p> <p>Selepas permohonan anda telah diproses, Pengurus Perhubungan anda / Bank akan memberitahu anda mengenai keputusan permohonan anda.</p>
14.	<p>Adakah PBP ini ditawarkan untuk pinjaman / pembiayaan yang baru diluluskan / dikeluarkan?</p>	<p>PBP HLB / HLISB tidak akan ditawarkan kepada pinjaman / pembiayaan yang telah diluluskan selepas 1 April 2020. Walau bagaimanapun, jika anda memerlukan bantuan, sila berbincang dengan Pengurus Perhubungan anda atau hubungi pihak Bank untuk maklumat lanjut.</p>
15.	<p>Adakah terdapat kos pemprosesan jika saya mendaftar untuk PBP HLB / HLISB?</p>	<p>Tiada kos pemprosesan akan dikenakan.</p>
16.	<p>Adakah terdapat caj penalti / caj faedah / kos pampasan yang dikenakan ke atas pinjaman / pembiayaan saya sekiranya saya tidak membuat pembayaran setelah mengambil PBP HLB / HLISB?</p>	<p>Ya, akaun pinjaman / pembiayaan anda mungkin dikenakan caj penalti / caj faedah / caj pampasan sekiranya anda tidak membuat bayaran. Sila rujuk kepada terma dan syarat dalam surat tawaran asal anda berkaitan dengan caj penalti sekiranya anda gagal membuat pembayaran jumlah ansuran bulanan baru anda seperti yang telah dipersetujui.</p> <p>Kami menyarankan agar anda memastikan pembayaran balik ansuran bulanan pinjaman / pembiayaan anda yang telah distrukturkan di bawah PBP HLB / HLISB.</p>
17.	<p>Bolehkah saya menarik diri dari PBP HLB / HLISB ini sekiranya status kewangan saya pulih?</p>	<p>Ya, anda boleh memilih untuk menarik diri daripada PBP HLB/HLISB.</p> <p>Sila maklumkan kepada kami dengan segera jika anda boleh memulakan semula pembayaran ansuran bulanan asal anda dan kami akan membuat pengaturannya yang diperlukan.</p>
18.	<p>Adakah faedah / keuntungan akan dikenakan pada jumlah yang ditanggungkan?</p>	<p>Ya, faedah / keuntungan akan dikenakan pada jumlah yang ditanggungkan.</p>

No.	Soalan	Jawapan
19.	Adakah terdapat had masa untuk permohonan PBP HLB / HLISB ini?	<p>Semua permohonan untuk PBP HLB / HLISB akan dipertimbangkan oleh pihak Bank sehingga 30 Jun 2021.</p> <p>Walau bagaimanapun, anda digalakkan untuk menghubungi kami secepat mungkin jika anda ada kemungkinan kesukaran untuk membuat pembayaran atau memerlukan bantuan untuk pembayaran ansuran bulanan pinjaman / pembiayaan anda.</p>

Istilah Glosari

No	Terminologi	Penerangan
1	Faedah Terakru	Faedah Terakru adalah jumlah faedah yang terkumpul pada pinjaman/pembiayaan sejak tarikh pembayaran faedah terakhir.
2	Kadar Pinjaman Asas	Kadar Pinjaman Asas, yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia adalah kadar faedah minimum yang dikira oleh institusi perbankan berdasarkan formula yang mengambil-kira kos dana institusi dan kos pentadbiran lain.
3	CCRIS (Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat)	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) adalah sistem yang diwujudkan oleh Biro Kredit Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyediakan laporan kredit standard mengenai bakal peminjam. Ia adalah pangkalan data berpusat yang menawarkan gambaran kesihatan kewangan anda.
4	Kadar Kontrak	Kadar Kontrak merujuk kepada kadar faedah tahunan berkenaan dengan kontrak tertentu.
5	Faedah Kompaun	Faedah Kompaun (atau faedah mengkompaun) adalah faedah ke atas pinjaman/pembiayaan yang dikira berdasarkan kedua-dua prinsipal awal dan faedah terkumpul dari tempoh sebelumnya.
6	Bahagian Tertunda	Bahagian Tertunda (berkait dengan pinjaman) adalah jumlah yang sama dengan amaun prinsipal dan faedah pembayaran ansuran berhubung dengan pinjaman tertentu yang pada masa itu perlu dibayar balik pada tarikh pembayaran balik yang jatuh semasa tempoh penangguhan (jika ada) selaras dengan perjanjian itu.
7	Faedah Tertunda	Faedah Tertunda adalah faedah yang anda kumpulkan pada akaun, tetapi belum dibayar. Sebaliknya, faedah itu ditangguhkan, juga dikenali sebagai ditangguhkan untuk satu tempoh masa.
8	Kadar Rata	Faedah Kadar Rata adalah jenis faedah yang akan kekal sama pada amaun pinjaman/pembiayaan utama sepanjang tempoh pinjaman anda.
9	Kadar Faedah Tetap	Kadar Faedah Tetap adalah kadar yang tidak akan berubah untuk keseluruhan tempoh pinjaman. Nota: Faedah merujuk kepada perbankan konvensional, di mana keuntungan merujuk kepada Perbankan Islam.
10	Pinjaman Kadar Tetap	Pinjaman Kadar Tetap mempunyai kadar faedah yang tidak berubah sepanjang tempoh pinjaman.
11	Rizab Turun Naik Pelaburan	Rizab Turun Naik Pelaburan diwujudkan sebagai peruntukan untuk sebarang perubahan dalam nilai pasaran pelaburan.

12	Faedah	Faedah adalah caj yang dikenakan oleh bank untuk menyediakan kemudahan pinjaman/pembiayaan.
13	Kematangan	Kematangan adalah apabila bayaran pinjaman/pembiayaan tamat.
14	Amaun Prinsipal	Amaun Prinsipal adalah jumlah wang yang dipinjam (atau dilaburkan), tidak termasuk sebarang faedah atau dividen.
15	Penstrukturan Semula & Penjadualan Semula	<ul style="list-style-type: none"> • Penjadualan Semula merujuk kepada melanjutkan atau memanjangkan tempoh pinjaman anda - menyebabkan semakin pada jumlah ansuran bulanan. Bermakna, anda akan dapat membayar jumlah yang lebih rendah setiap bulan. • Penstrukturan Semula pula melibatkan perubahan pada jenis atau struktur pinjaman anda bagi membantu anda meningkatkan aliran tunai semasa anda. Sebagai contoh, bank akan menukar overdraf anda kepada pinjaman bertempoh.
16	Arahan Tetap	Arahan Tetap adalah perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan bank, di mana urusan niaga tetap yang ingin diproses oleh pelanggan diproses sebagai perkara rutin tanpa perlu memulakan transaksi tertentu pada setiap masa.
17	Tempoh	Tempoh adalah tempoh masa di mana pinjaman telah diluluskan dan biasanya distrukturkan dalam gandaan 12 bulan.
18	Kadar Pemboleh Ubah	Kadar Faedah Berubah adalah kadar faedah ke atas pinjaman atau sekuriti yang berubah-ubah dari masa ke masa kerana ia berdasarkan kadar faedah penanda aras asas atau indeks yang berubah secara berkala.